

GERAKAN kenalpasti calon p'raya pada Februari
Malaysiakini.com
November 07, 2010

Parti GERAKAN akan mengenalpasti dan memperkenalkan calon-calonnya bagi pilihan raya umum k-13 (PRU13) selepas sambutan Tahun Baru Cina, pada 3 Februari depan.

Presiden GERAKAN Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata selain dari melancarkan jentera parti, beliau telah mula menjelajah hampir kesemua kawasan yang diperuntukkan untuk parti itu untuk membuat penilaian awal tentang kedudukan politik semasa sejak empat bulan lepas.

Katanya penilaian dan pemilihan calon parti itu akan dibuat berdasarkan kepada komitmen, integriti, kebolehan, prestasi dan faktor boleh-menang.

"Kita akan melawat semua kawasan Parlimen dan DUN kita dalam tempoh masa tiga bulan ini untuk menilai prestasi wakil-wakil rakyat dan penyelarar-penyelarar yang sedia ada," katanya dalam ucapan pada Persidangan Perwakilan Nasional GERAKAN yang ke-39 di Menara PGRM di Kuala Lumpur, hari ini.

Persidangan itu dirasmikan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dalam pada itu, Koh menegaskan bahawa beliau tidak mahu anggota GERAKAN melobi atau meminta sokongan berlebih-lebih untuk mendapatkan pencalonan.

"Kerja dulu, jangan melobi-lobi," katanya.

Pada PRU ke-12 lalu, GERAKAN tewas kesemua 12 kawasan DUNnya, manakala cuma mampu mempertahankan dua daripada 10 kerusi Parlimen yang dipertandingkan.

Sementara itu, beliau juga mengesa supaya anggota GERAKAN terus bersatu dan gigih bekerja untuk menghubungi semula dengan rakyat dan pada masa yang sama membuktikan kepada pengkritik-pengkritiknya bahawa pandangan negatif mereka terhadap parti itu adalah tidak tepat.

"Kita mungkin lemah tetapi kita bukannya jatuh tersungkur.

Pengkritik-pengkritik kita cuba memaparkan GERAKAN sebagai sebuah parti "tak berguna" dan parti "tidak mempunyai harapan.

"Kalau begitu, mengapakah kita terdapat tiga wakil rakyat Bebas yang memilih untuk memasuki parti kita? Kalau begitu, mengapakah seramai 20,000 orang dari semua negeri telah menjadi anggota baru dan 5,000 orang lagi dalam proses permohonan," katanya.

Koh yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata GERAKAN juga komited dalam mempromosikan demokrasi dalam ruang lingkup parti.

Katanya anggota parti juga harus mempraktikkan kesederhanaan dan keterangkuman khasnya dalam berbicara tentang pandangan-pandangan yang bertentangan dan berlainan dalam ruang lingkup parti dengan hati dan minda terbuka.

Dalam masa yang sama, beliau mengesa generasi pemimpin muda GERAKAN perlu

memahami sejarah dan ideologi perjuangan parti, serta perjuangan pemimpin-pemimpin terdahulu.

Katanya walaupun lapisan pemimpin masa kini menghargai perjuangan dan khidmat veteran-veteran, namun kepimpinan sekarang perlu bersesuaian dengan keadaan semasa.

"Tetapi pada saya, pasti mereka juga memahami bahawa ada masa yang berubah memerlukan strategi baru, pendekatan baru dan cara kepimpinan baru," katanya

--Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/147501>